

---

# Tinjauan Penggunaan Media Sosial dalam Pembelajaran Abad Ke-21 dalam Pendidikan Ekonomi

Jeyanthi Mohan<sup>1</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*

*E-mail: jeya8989@gmail.com*

---

## ***Abstrak***

Kewujudan media sosial dapat memberikan pelbagai kemudahan dan kelebihan dalam pelbagai bidang seperti bidang ekonomi, pemasaran, perniagaan, teknologi maklumat, pelancongan, pendidikan dan lain-lain. Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan tentang keberkesanan penggunaan media sosial dalam pendidikan ekonomi di kalangan pelajar dan guru. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan kepada semua pihak terutamanya kepada para pelajar dan guru bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran dalam pendidikan ekonomi dengan menggalakkan penggunaan pentas media sosial dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam pendidikan ekonomi. Kajian ini melibatkan sejumlah 60 orang guru dari daerah-daerah Lembah Klang, Malaysia. Kaedah kajian adalah kuantitatif dengan reka bentuk deskriptif. Data diperoleh melalui instrumen soal selidik dan dianalisis menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Science* (SPSS).

***Kata Kunci :*** *Penggunaan Media Sosial, Penggunaan Teknologi, Pengajaran dan Pembelajaran; Pendidikan Ekonomi*

---

## I. PENGENALAN

Pendidikan pada era teknologi maklumat dan moden perlu diselaraskan dengan keperluan dan kehendak semasa. Perkembangan media sosial kini membuka lebih banyak peluang kepada pelajar dan pendidik untuk meneroka maklumat dan pengetahuan. Selain itu, perkembangan teknologi maklumat telah menyebabkan pengaruh media sosial digunakan secara meluas dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) di peringkat sekolah mahupun di IPTA. Perkembangan teknologi kini juga berupaya untuk menarik golongan pendidik dan pelajar agar turut aktif dalam P&P dengan menggunakan alat-alat teknologi dan fitur media sosial.

Penggunaan media sosial turut mendorong minat para pelajar untuk menguasai ilmu pengetahuan dan mereka akan lebih terdedah dengan pembelajaran sendiri [1]. Para pelajar dapat mengakses bahan-bahan sedia ada, maklumat terkini dan berkongsi info bersama rakan juga pendidik dengan mudah dan pantas. Tambahan pula, kewujudan platform media sosial seperti Youtube, Facebook, Twitter, Wikipedia dan Blog dapat memberikan pelbagai manfaat dalam bidang pendidikan[2].

Dalam kajian ini, tiga persoalan telah dikaji:

1. Sejauh manakah tahap kecekapan guru dalam menggunakan media sosial sebagai alat pedagogi.
2. Sejauh manakah penggunaan media sosial dalam pembelajaran abad ke-21 dalam pendidikan ekonomi?
3. Apakah kelebihan penggunaan media sosial dalam sesi proses pembelajaran abad ke-21 dalam pendidikan ekonomi.

## II. KAJIAN LITERATUR

### A. Definisi Media Sosial

Media sosial didefinisikan sebagai “sekumpulan aplikasi berasaskan Internet yang dibina berbasis ideologi dan teknologi Web2.0 yang memungkinkan penciptaan dan pertukaran kandungan yang dijana oleh pengguna yang disebut sebagai “user generated content (USG)” [3]. Menurut Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi [4], kandungan yang dijana oleh pengguna perlu memenuhi tiga keperluan asas untuk dipertimbangkan sebagai USG seperti berikut:

- a) ia perlu diterbitkan sama ada di laman web yang boleh diakses secara umum atau di rangkaian sosial yang boleh diakses oleh sekumpulan orang yang terpilih
- b) ia perlu menunjukkan sejumlah usaha kreatif
- c) ia perlu dicipta di luar rutin dan amalan profesional

Syarat a) tidak termasuk kandungan yang ditukar dalam e-mel atau mesej segera manakala syarat b) tidak termasuk replikasi kandungan sedia ada (cth., menyiarkan salinan artikel akhbar sedia ada pada blog peribadi tanpa sebarang pengubahsuaian atau ulasan) dan c) tidak termasuk semua kandungan yang telah dibuat dengan mengambil kira konteks pasaran komersial

### B. Impak Media Sosial

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Meijer (2012)[5] mendapati bahawa pengenalan terhadap media baharu dalam bentuk media sosial telah membentuk persekitaran komunikasi di dunia maya yang mampu membina interaksi sosial dan membenarkan kebebasan partisipasi yang lebih luas. Kebebasan yang ditawarkan oleh media sosial membolehkan sesiapa sahaja berinteraksi dan menyuarakan pandangan mereka tanpa mengambil kira latar belakang kelas ekonomi. Akibatnya, terdapat beberapa impak sosial media dalam bukan sahaja dalam bidang massa tetapi dalam bidang lain seperti politik, perdagangan, pendidikan dan lain.

#### a) Impak Media Sosial dalam Politik

Satu kajian daripada Howard (2011)[6] mendapati media sosial memainkan peranan penting dalam membentuk perdebatan politik di Arab Spring. Kajian tersebut mendapati bahawa media sosial banyak digunakan untuk menjalankan perbualan politik oleh kumpulan demografi utama dalam revolusi — individu muda, bandar, berpendidikan tinggi, kebanyakannya adalah wanita. Sebelum dan semasa revolusi, individu ini menggunakan Facebook, Twitter dan YouTube untuk memberi tekanan kepada kerajaan mereka.

#### b) Impak Media Sosial dalam Perdagangan

Dengan perkembangan media sosial, kebanyakan perniagaan mengambil langkah untuk mempromosikan produk mereka di media sosial. Saluran pemasaran sosial mewakili sejauh mana sumber pemasaran sosial (cth., perbualan, perkongsian, kehadiran) diubah menjadi keupayaan prestasi kewangan (cth., jualan). Melalui perbualan,

perkongsian dan kehadiran di Facebook, YouTube atau Twitter, firma secara aktif memasarkan produk dan perkhidmatan mereka. Firma telah menggunakan media sosial sebagai bahagian penting dalam campuran pemasaran mereka [7]; walau bagaimanapun, taktik dan objektif alat pengiklanan media tradisional (cth., televisyen, radio, cetak, papan iklan) berbeza daripada media sosial. Pemasaran media tradisional, sebagai contoh pengiklanan di dalam TV, mengambil saluran "direct marketing" yang menjadi saluran terus daripada pemasar dan kepada pelanggan dengan melibatkan kesedaran, pengetahuan. Sebaliknya, rangkaian sosial, blog, mikroblog, dan komuniti mendekati pelanggan dengan objektif interaktif seperti perbualan, perkongsian, kerjasama dan penglibatan [8].

#### c) Impak Media Sosial dalam Pendidikan

Dengan menggunakan pelbagai alat perisian dan aplikasi web percuma untuk meningkatkan pembelajaran, komunikasi dan penglibatan, penggunaan media sosial semakin meningkat di bilik darjah pendidikan tinggi. Berbanding kaedah pembelajaran tradisional yang memberikan sedikit peluang kepada pelajar untuk mengembangkan dan mengekalkan aktiviti pembelajaran mereka sendiri, platform pembelajaran berdasarkan media sosial meletakkan kawalan pembelajaran ke tangan pelajar sendiri.

Semakin banyak usaha penyelidikan telah dibuat untuk menyokong pengajaran dan pembelajaran menggunakan pelbagai alat media sosial. Laman rangkaian sosial untuk pelajar kolej telah dibangunkan bertujuan untuk meningkatkan kedua-dua kajian kolaboratif dan interaksi sosial. Penyelidikan memberitahu bahawa menjadikan alat media sosial sebagai sebahagian daripada pembelajaran tradisional adalah menarik kepada pelajar dan boleh memotivasikan penyertaan mereka dalam proses pembelajaran

### III. METODOLOGI KAJIAN

Bab ini menghuraikan cara-cara kajian dijalankan yang merangkumi aspek reka bentuk kajian, populasi, persampelan, kaedah pengumpulan dan instrumen kajian, kebolehpercayaan instrumen kajian, kajian rintis serta kaedah penganalisan data.

#### A. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian yang berbentuk deskriptif.

#### B. Populasi dan Sample Kajian

Dalam konteks kajian ini, populasi yang dipilih ialah guru-guru pendidikan ekonomi di daerah-daerah Lembah Klang. Populasi tersebut dipilih sebagai responden kajian ini disebabkan oleh populasi ini mempunyai ilmu dalam Pendidikan Ekonomi dan boleh memberikan pendapat yang tepat mengenai soalan-soalan kajian ini.

Saiz sampel kajian ini ditentukan mengikut jadual penentuan saiz sampel seperti mana yang dibangunkan oleh Kejcic, R.V dan Morgan (1970)[9] yang menyatakan bagi bilangan populasi 50 orang, saiz sampel yang sesuai ialah 44 orang. Mengikut Gay, L. R., & Airasian (2003)[10] pula, data dipungut bagi populasi kecil, lazimnya N tidak melebihi 100 orang, boleh digunakan sepenuhnya sebagai sampel. Oleh itu, keseluruhan sampel iaitu sebanyak data dari 60 soal selidik digunakan untuk memadai persampelan kajian ini.

#### C. Kaedah Pengumpulan Data Kajian

Sebanyak 60 responden dipilih dalam kalangan guru-guru pendidikan ekonomi di daerah-daerah Lembah Klang untuk menjawab set borang soal-selidik. Setiap set mempunyai 4 bahagian utama yang mengandungi soalan-soalan berkaitan maklumat latar belakang demografi responden dan pengetahuan pendidikan ekonomi, penggunaan dan keberkesanan media sosial serta manfaat media sosial dalam pendidikan ekonomi.

Kajian persoalan pertama diuji dari dua komponen, iaitu *kesedaran diri* dan *pengetahuan tentang futur-futur media sosial*. Kajian kedua pula dikaji dengan dua komponen iaitu *penggunaan media sosial* dan *keberkesanan media sosial*. Akhirnya kajian ketiga ia dikaji dengan 5 komponen iaitu *kekerapan mengakses*, *berinformasi*, *komunikasi*, *kerjasama* dan *perkongsian maklumat*.

#### D. Instrumen Kajian

Penyelidik memilih soal selidik sebagai instrumen kajian oleh sebab ia mudah diluruskan setelah dibina dengan baik. Pengambilan masa untuk mendapatkan maklumat juga adalah minimum dan data yang diperoleh boleh diproses dengan mudah untuk analisis selanjutnya. Merujuk Jadual 1, kajian ini menggunakan Skala Likert 5 mata untuk mendapat maklumat daripada responden dengan

membahagikan tahap persetujuan kepada 5 peringkat.

### E. Kajian Rintis

Seramai 20 orang guru pendidikan ekonomi telah dipilih daripada populasi secara rawak untuk menjadi responden menguji kebolehpercayaan soalan-soalan dalam borang soal selidik. Sampel bagi kajian rintis ini terdiri daripada golongan guru yang tidak terlibat daripada kajian sebenar.

Data yang dikumpul bagi kajian rintis ini perlu dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (*Statistical Package of Social Science*) untuk mengukur nilai Alpha Cronbach haiti nilai kebolehpercayaan instrumen kajian ini.

### F. Kaedah Penganalisan Data

Setelah kajian rintis dijalankan dan nilai kebolehpercayaan instrumen ditentukan, kajian sebenar dilaksanakan dengan pengedaran soal-selidik kepada responden di daerah-daerah Lembah Klang. Dengan menggunakan perisian SPSS, analisis data yang diperolehi dijalankan dan dinyatakan secara deskriptif menggunakan nilai purata, peratusan dan sisihan piawai. Min purata yang diperolehi melalui analisis statistik deskriptif akan ditafsirkan dengan tahap kecenderungan, iaitu tahap rendah, sederhana dan tinggi (Landell)[12]. Merujuk Jadual 2, penyelidik seterusnya mentafsir samada persoalan kajian ini telah dijawab ataupun tidak.

**Jadual 2:** Jadual tafsiran skor min (Landell, 2012)

| Kumpulan | Julat       | Tahap Kecenderungan |
|----------|-------------|---------------------|
| 1        | 1.00 – 2.33 | Rendah              |
| 2        | 2.34 – 3.67 | Sederhana           |
| 3        | 3.68 – 5.00 | Tinggi              |

## III. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bab ini, hasil dapatan kajian dibincangkan berdasarkan data yang diperolehi dan dianalisis daripada borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 60 guru-guru pendidikan Ekonomi di daerah-daerah Lembah Klang, Malaysia. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan nilai min purata, frekuensi dan carta.

### A. Kecekapan guru dalam menggunakan media sosial

Bahagian ini mengkaji jawapan persoalan kajian 1 yang memerlukan analisis min purata bagi dua komponen yang diuji, iaitu *tahap pengetahuan futur-fitur media sosial* dan *kesedaran diri guru menggunakan media sosial media* yang dianalisis secara berasingan. Berdasarkan analisis didapati yang dirumuskan dalam jadual 3, bahawa tahap kecenderungan yang tinggi dalam kalangan guru-guru Pendidikan Ekonomi di Lembah Klang.

Kajian ini juga telah bersetuju dengan kajian yang dijalankan oleh Jamal & Nawab (2020)[12] yang berpendapat bahawa walaupun media sosial dilihat sebagai alat teknologi komunikasi dan hiburan, tetapi wajar perlu diperhatikan dengan teliti bahawa jika teknologi komunikasi sedemikian digunakan

dengan niat yang baik, media sosial boleh menjadi alat produktif dalam pengajaran sesuatu subjek.

**Jadual 3:** Jadual tafsiran skor min bagi persoalan pertama

| Komponen                 | Min Purata | Sisihan Piawai | Tahap  |
|--------------------------|------------|----------------|--------|
| Pengetahuan Media Sosial | 4.2200     | 0.7695         | Tinggi |
| Kesedaran diri           | 4.6200     | 0.7946         | Tinggi |

### B. Penggunaan dan Keberkesanan Media Sosial dalam Pendidikan Ekonomi

Bahagian ini mengkaji jawapan persoalan kajian 2. Persoalan kajian ini memerlukan analisis min purata bagi dua komponen yang diuji, iaitu *penggunaan media sosial* dan *keberkesanan media sosial* yang dianalisis secara berasingan. Berdasarkan analisis yang dirumuskan dalam Jadual 4 didapati bahawa tahap kecenderungan yang sederhana dalam kalangan guru-guru Pendidikan Ekonomi di Lembah Klang.

Pendapatan kajian ini bersetuju dengan suatu kajian yang diajalan oleh Sama`a Al Hashimi (2019)[13], yang menyatakan dalam tetapan bilik darjah sebenar dan persekitaran pendidikan, terdapat alat dan platform digital lain yang boleh dilihat sebagai lebih berkesan dalam pengajaran sesuatu.. Tambahan lagi, pendapatan kajian ini juga telah menunjukkan bahawa media sosial telah digunakan dalam secara amya dalam kalangan para guru selain daripada pengajaran secara tradisional.

**Jadual 4:** Jadual tafsiran skor min bagi persoalan kedua

| Komponen              | Min Purata | Sisihan Piawai | Tahap     |
|-----------------------|------------|----------------|-----------|
| Pengguna Media Sosial | 3.6429     | 0.8906         | Sederhana |
| Keberkesanan          | 3.6458     | 0.92664        | Sederhana |

### C. Kelebihan Penggunaan dan Keberkesanan Media Sosial dalam Pendidikan Ekonomi

Bahagian ini mengkaji jawapan persoalan kajian 3 dengan pendapatan analisis min purata bagi 5 komponen yang diuji, iaitu kekerapan mengakses sosial media, kandungan “Rich Content” yang berinformasi, komunikasi, kerjasama dan perkongsian maklumat yang akan dianalisis secara berasingan. Berdasarkan analisis yang dirumuskan dalam Jadual 5 didapati bahawa tahap kecenderungan yang sederhana dalam kalangan guru-guru Pendidikan Ekonomi di Lembah Klang.

Satu kajian yang dijalankan oleh Rdouan Faizi (2014) menyatakan bahawa media sosial meningkatkan komunikasi dan interaksi dalam kalangan pelajar dan guru. Kajian tersebut juga menyatakan media sosial adalah cara yang berkesan untuk menggalakkan penglibatan pelajar selain menarik perhatian pelajar. Manakala dalam kajian ini pula, guru-guru mempunyai pendirian yang neutral ataupun sederhana dan tidak mempunyai pendirian bahawa media sosial membawa kelebihan yang kukuh dalam pengajaran Pendidikan Ekonomi.

**Jadual 5:** Jadual tafsiran skor min bagi persoalan pertama

| Komponen            | Min Purata | Sisihan Piawai | Tahap     |
|---------------------|------------|----------------|-----------|
| Kekerapan Mengakses | 3.6167     | 0.9314         | Sederhana |

|                      |        |        |           |
|----------------------|--------|--------|-----------|
| Berinformasi         | 3.6083 | 1.0817 | Sederhana |
| Komunikasi           | 3.5000 | 0.9297 | Sederhana |
| Kerjasama            | 3.5833 | 1.0422 | Sederhana |
| Perkongsian Maklumat | 3.5333 | 0.9472 | Sederhana |

### IV. RUMUSAN

Berdasarkan kepada keputusan yang telah dibincangkan, persoalan-persoalan kajian ini telah dijawab. Kajian ini boleh membantu para penyelidik dan ahli akademik untuk lebih memahami kecekapan para guru dalam penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Ekonomi. Kajian ini mampu memberikan gambaran kepada para guru tentang ketembusan media sosial dan impaknya dalam pengajaran Pendidikan Ekonomi.

Kajian ini juga menerangkan tentang ciri-ciri sosial media serta kelebihan sosial media dalam Pendidikan Ekonomi. Di samping itu, kajian ini juga boleh dijadikan sebagai panduan untuk menilai keberkesanan media sosial dalam pengajaran Pendidikan Ekonomi. Kajian ini juga telah menyentuh sedikit sebanyak tentang demografi responden yang terdiri daripada latar belakang yang berbeza yang mempunyai persefahaman dan penggunaan media sosial yang berbeza juga.

Secara kesimpulannya, kajian ini berkesan dalam meningkatkan kefahaman para guru dan pengkaji tentang penggunaan, keberkesanan serta kelebihan sosial media dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Ekonomi. Justeru, kajian ini amatlah sesuai diguna pakai untuk kajian lanjutan ataupun para guru boleh mencuba mengintegrasikan penggunaan media sosial dalam pengajaran sesuatu subjek.

## RUJUKAN

- [1] Charles Wankel and Jan Kingsley, Eds, "Higher Education in Virtual Worlds: Teaching and Learning in Second Life". *Emerald Group Publishing Limited*, 2009
- [2] Farrah Dina Yusop, Melati Sumari, "The Use of Social Media Technologies among Malaysian Youth", *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 2013, Volume 103, pp. 1204-1209
- [3] Kaplan, A. M. & Haenlein, M. "Users of the world, unite! The challenges and opportunities of Social Media". *Business Horizons*, 2010, 53(1), pp. 59- 68
- [4] OECD. "Participative web and user-created content: Web 2.0, wikis, and social networking". *Paris: Organisation for Economic Co-operation and Development*, 2007
- [5] Meijer, A. "Co-production in an information age: Individual and community engagement supported by new media". *International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, 2012, 23(4), pp. 1156-1172.
- [6] Howard, Philip N. and Duffy, Aiden and Freelon, Deen and Hussain, M.M. and Mari, Will and Maziad, Marwa, "Opening Closed Regimes: What Was the Role of Social Media During the Arab Spring?", (2011).
- [7] Mangold, W. G., & Faulds, D. J. "Social media: The new hybrid element of the promotion mix". *Business Horizons*, 2009, 52(4), pp. 357—365.
- [8] Weinberg, B. D., & Pehlivan, E. "Social spending: Managing the social media mix". *Business Horizons*, 54(3), pp. 275—282.
- [9] Krejcie, R.V. and Morgan, D.W "Determining Sample Size for Research Activities." *Educational and Psychological Measurement*, 1970, 30, pp. 607-610
- [10] Gay, L. R., & Airasian, P. "Educational Research: Competencies for Analysis and Application", 2003, 12th ed. NJ: Pearson Education.
- [11] Landel K, "Management by Menu," Wiley; 2012, 4th ed, pp. 260–264.
- [12] Jamal Abdul Nasir Ansari, Nawab Ali Kahn. "Exploring the role of social media in collaborative learning the new domain of learning" *Smart Learning Environments* 7, 2020, Article Number:9
- [13] Al Hashimi, S. A., Al Muwali, A. A., Zaki, Y. E., & Mahdi, N. A. "The Effectiveness of Social Media and Multimedia-Based Pedagogy in Enhancing Creativity among Art, Design, and Digital Media Students". *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 2019, 14(21), pp. 176–190.
- [14] Faizi, Rdouan & El Afia, Abdellatif & Chiheb, Raddouane. "Exploring the Potential Benefits of Using Social Media in Education". *International Journal of Emerging Technologies in Learning*. 2013, 3. pp. 50-53

### AUTHOR'S INFORMATION

**First Author: Jeyanthi  
Mohan**



Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

E-mail: *jeya8989@gmail.com*